

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/08/2017

Memali: Usah buat kesimpulan pramatang

KOTA BHARU 26 Ogos - Tun Dr Mahathir Mohamad membuat kesimpulan pramatang apabila mengaitkan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan menuduh amanat disampaikan beliau sebagai punca terjadinya peristiwa Memali.

Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan belum lagi menubuhkan Suruhanjaya Siasatan



**TAKIYUDDIN
HASSAN**

Diraja (RCI) namun Dr. Mahathir dan pelbagai pihak lain terlebih dahulu telah membuat 'penghakiman dan keputusan' masing-masing.

"RCI belum tubuh lagi anda sudah buat keputusan. Janganlah macam tu, biarlah RCI panggil semua pihak yang difikirkan terlibat... dengar penjelasan Presiden Pas, dengar Dr. Mahathir, dengar Tun Musa Hitam.

Ulm - 27/8/2017 vs. 14
"Selepas itu barulah kita buat keputusan. Jangan buat kesimpulan awal," katanya ketika ditemui pemberita dalam Sambutan Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Negeri Kelantan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV, di sini hari ini.

Semalam, Dr. Mahathir dilaporkan berkata, tindakan pemimpin Pas menerusi satu amanat menjadi punca kepada peristiwa Memali sehingga mengorbankan 18 orang termasuk empat anggota polis.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berharap mana-mana pihak yang akan dipanggil memberi keterangan dalam RCI itu kelak bersikap jujur dan memberi kenyataan tepat berhubung peristiwa Memali.

"Sekarang ada percanggahan antara kenyataan Dr. Mahathir dengan Musa Hitam mengenai keberadaan Dr. Mahathir ketika kejadian itu.

"Dr. Mahathir kata dia berada di luar negara tapi Musa kata dia (Dr. Mahathir) masih ada di dalam negara," katanya.